

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 13.05.2026 MASA: 2.00PM
MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA
KURSUS PRA PERSARAAN MBSP TAHUN 2026

TARIKH / MASA / TEMPAT
16 MEI 2026 (SABTU)
8:30 PAGI

HOTEL NADIAS, PULAU LANGKAWI

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia

MADANI

Yang dihormati Encik Nur Wasyahlan Bin Zakaria, Ketua Seksyen Prosesan Faedah Persaraan, Jabatan Perkhidmatan Persaraan , Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) , Pegawai daripada Pejabat Kesihatan Langkawi, Encik Shahrulnizad daripada Jabatan Perbendaharaan MBSP, Puan Siti Haslinda daripada Jabatan Sumber Manusia MBSP serta semua yang hadir pada hari ini. Saya dimaklumkan terdapat 31 orang yang hadir sebagai peserta Pra Persaraan pada hari ini. Alhamdulillah.

Tuan-Tuan dan Puan- Puan sekalian,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada urusetia dan penceramah yang sudi mencari masa dan meluangkan waktu hujung minggu semua untuk bersama-sama berkongsi ilmu dan faedah dengan bakal-bakal pesara. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua bakal pesara yang bakal menamatkan perkhidmatan selepas sekian lama menabur bakti kepada MBSP. Sesungguhnya jasa, pengalaman dan pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan amat bernilai kepada organisasi dan masyarakat.

Persaraan bukanlah noktah terakhir dalam kehidupan seseorang penjawat awam, sebaliknya ia merupakan satu fasa peralihan yang memerlukan perancangan yang rapi dan persediaan yang menyeluruh.

Ramai yang melihat persaraan hanya dari sudut tamat perkhidmatan, namun hakikatnya persaraan melibatkan perubahan besar dari aspek:

- pengurusan kewangan,
- kesihatan fizikal dan mental,
- gaya hidup,
- hubungan kekeluargaan,
- hubungan dengan Allah
- serta bagaimana seseorang mengisi masa dan meneruskan kehidupan dengan lebih bermakna.

Oleh sebab itu, perancangan persaraan perlu bermula lebih awal dan bukan hanya dibuat apabila hampir bersara. Perancangan yang baik akan membantu bakal pesara menjalani kehidupan yang lebih tenang, stabil dan berkualiti selepas tamat perkhidmatan.

Saya berharap kursus ini dapat membantu para peserta membuat persediaan yang lebih jelas khususnya dalam:

- memahami faedah dan prosedur persaraan,

- merancang kewangan serta aliran pendapatan selepas bersara,
- menjaga kesihatan dan kesejahteraan diri,
- serta meneroka peluang dan aktiviti baharu yang boleh diceburi selepas tamat perkhidmatan.

Selain itu, persaraan yang berjaya bukan hanya diukur melalui jumlah simpanan atau pencen yang diterima. Tetapi persaraan yang sebenar-benarnya berjaya ialah apabila seseorang itu; masih sihat tubuh badannya, tenang jiwanya, dihormati keluarganya, terus bermanfaat kepada Masyarakat dan paling penting hidupnya semakin dekat dengan Allah SWT.

Tuan-Tuan dan Puan- Puan sekalian,

Di samping itu, saya juga ingin mengingatkan khususnya kepada semua bakal pesara agar sentiasa berhati-hati dengan pelbagai bentuk penipuan atau scam yang semakin berleluasa pada masa kini. Jangan mudah terpedaya dan mempercayai panggilan telefon, mesej atau pautan yang meminta maklumat peribadi, nombor akaun bank, TAC atau wang atas sebarang alasan. Sentiada membuat semakan sebelum mengambil tindakan. Gunakan wang persaraan dengan bijak dan utamakan keselamatan kewangan agar kehidupan selepas persaraan dapat dinikmati dengan sebaiknya.

Tanpa berlengahkan masa lagi, dengan lafaz Bismilahirrahmanirrahim, saya merasmikan Kursus Pra Persaraan MBSP Tahun 2026.

Sekian, terima kasih, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*